


Ahad, 25 Ogos 2019 | 6:44pm



Cubaan rasuah pegawai KPDNHEP makan diri

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

SEREMBAN: Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Seremban menahan seorang lelaki selepas cuba merasuah pegawai penguat kuasa yang menjalankan pemeriksaan di premis miliknya, di sini, semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Johary Yacob, berkata pihaknya tiba di premis itu pada jam 10.45 pagi untuk memeriksa buku stok bagi barang kawalan yang dilesenkan ke atas premis berkenaan.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati pemilik premis mempunyai 140 kilogram gas cecair petroleum iaitu melebihi dari had yang dibenarkan.

“Oleh itu dia melakukan kesalahan mengikut Peraturan 10(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

“Bagaimanapun, pemilik premis cuba merasuah pasukan penguat kuasa dengan menawarkan sejumlah RM2,600 supaya tidak dikenakan tindakan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Johary berkata, pihaknya menahan pemilik premis itu dan menyerahkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut.